

# Tingkatkan kemahiran industri buat pesawat

4 OCT 2002

Oleh NORIZAN ABDUL MUHID

**M**ELAKA 3 Okt. — Syarikat pengeluar komponen pesawat kapal terbang di negara ini diminta supaya terus berusaha meningkatkan kepakaran dalam bidang berkenaan untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, industri pembuatan pesawat di negara ini mempunyai peluang yang cerah untuk maju dan berdaya saing dengan negara-negara maju.

“Bagaimanapun hasrat itu hanya akan tercapai jika kita memperbaiki kepakaran sedia ada kerana kita percaya dengan semangat Malaysia Boleh, kita boleh melakukan apa sahaja.

“Jika kita percaya dan berusaha berulang-ulang, kita mampu memiliki kepakaran yang diperlukan dan berdaya saing dengan syarikat-syarikat lain di peringkat antarabangsa,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis menandatangani perjanjian antara syarikat

pengeluar pesawat, Airbus dan Composites Technology Research Malaysia (CTRM) di kilang pengeluaran CTRM di Batu Berendam dekat sini hari ini.

Perjanjian itu yang disaksikan oleh Perdana Menteri bertujuan membolehkan CTRM membekalkan komponen sayap pesawat A380 Superjumbo untuk syarikat tersebut.

CTRM akan membekalkan panel bahagian bawah sayap A380 Superjumbo yang sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai pembekal komponen komposit terpenting dalam rangkaian Airbus sejak tahun 1999.

Dr. Mahathir berkata, negara memerlukan lebih banyak kepakaran dalam mengeluarkan komponen pesawat dan bagi mencapai tujuan itu, kilang CTRM dibina bagi mengeluarkan komponen pesawat yang secara tidak langsung meningkatkan kepakaran tempatan dalam industri tersebut.

“Kita sepatutnya mencuba industri selain daripada elektronik kerana kita juga mampu mengeluarkan peralatan atau komponen yang lebih canggih dan terbaru,” katanya.

Perdana Menteri turut menyatakan hasrat untuk menjalin kerjasama dan menjadi rakan kongsi dengan negara maju khususnya dalam industri penerbangan untuk berkongsi kepakaran dan teknologi.

“Kami memerlukan kerjasama dengan rakan-rakan dari negara luar untuk berkongsi kapasiti dan kepakaran teknik dan sedia memberi jaminan untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada negara luar yang ingin bekerjasama dengan kita,” katanya.

Beliau berkata, hasrat Malaysia sebelum ini yang ingin menjadi salah sebuah negara pengeluar komponen pesawat di dunia kini menjadi kenyataan.

Katanya, sekurang-kurangnya terdapat dua syarikat pengeluar komponen pesawat terbesar di negara ini yang menawarkan piawaian dan kepakaran terbaik.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan kerja sehari ke negeri ini turut melawat kilang pengeluar peralatan digital, Cubic Electronics Sdn. Bhd. dan tapak Kompleks Inkubator K-Ekonomi Negeri Melaka di Ayer Keroh.